



KENYATAAN AKHBAR

PENINGKATAN KADAR AMAUN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT MELALUI PERATURAN-PERATURAN AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (AMAUN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT) 2017

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah **menaikkan kadar amaun Faedah Pengurusan Mayat dari RM1,500.00 kepada RM2,000.00** berkuatkuasa **pada 1 Julai 2016**. Melalui pindaan ini, semua Faedah Pengurusan Mayat yang melibatkan **kematian pada atau selepas 1 Julai 2016** akan dibayar dengan kadar amaun sebanyak RM2,000.00.

Kenaikan kadar amaun sebanyak 33% ini adalah wajar memandangkan kos pengurusan mayat kini telah meningkat dan amaun asal tersebut telah dikaji semula supaya selaras dengan keadaan ekonomi semasa dan tidak membebankan kepada waris-waris pencarum.

Faedah Pengurusan Mayat ini dibayar kepada keluarga waris orang berinsurans PERKESO yang meninggal dunia samada akibat bencana pekerjaan atau kematian yang tidak berkaitan dengan pekerjaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 29, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Sejumlah **11,881 kes** melibatkan bayaran Faedah Pengurusan Mayat sebanyak **RM17.6 juta** telah dibayar bagi **kematian pada atau selepas 1 Julai 2016** sehingga kini. Manakala bayaran tunggakan faedah yang kena dibayar oleh PERKESO adalah berjumlah RM5.9 juta. Ini bermakna setiap waris akan menerima tambahan sejumlah RM500.00 bagi setiap kematian pada atau selepas 1 Julai 2016 sehingga kini.

Sebarang pertanyaan lanjut bagi faedah ini, waris-waris pencarum adalah dinasihatkan menghubungi talian khidmat pelanggan PERKESO melalui **1-300-22-8000** atau pejabat PERKESO berhampiran.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

08 JUN 2017